

**SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW: PROVISION OF ZAKAT FUND TO HOSPITALS AND FRONTLINERS DURING THE PANDEMIC COVID-19**

**SOROTAN LITERATUR SISTEMATIK: PERUNTUKAN DANA ZAKAT KEPADA HOSPITAL DAN BARISAN HADAPAN SEMASA PANDEMIK COVID-19**

Hasanah Abd Khafidzi<sup>i</sup>, Muhammad Muzakkir Yazib<sup>ii</sup>, Abdul Ghafar Don<sup>iii</sup>, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani<sup>iv</sup> & Nurul Ilyana Muhd Adnan<sup>v</sup>

- <sup>i</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). hasanah@ukm.edu.my
- <sup>ii</sup> (*Corresponding author*). Pelajar Sarjana, Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). p115843@siswa.ukm.edu.my
- <sup>iii</sup> Profesor Madya, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). a.g.don@ukm.edu.my
- <sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). nikrahim@ukm.edu.my
- <sup>v</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). ilyana\_adnan@ukm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The health sector is among the sectors affected due to the COVID-19 pandemic. This has caused the operation of the hospital to become increasingly hectic with the rising number of patients in need of treatment. As a result, the existing medical equipment is not enough to treat the increasing number of COVID-19 patients. Therefore, this study aims to identify the allocation of zakat funds provided by zakat institutions in Malaysia in providing assistance to hospitals and frontliners who worked hard to deal with the COVID-19 during the pandemic period. Systematic Literature Review is a methodology used by researchers to find articles that are specific to the needs of the study. There are three phases in selecting articles that fit the theme of the study, namely identification, screening and eligibility. Two databases were selected in this study, namely the Google Search Engine and Google Scholar websites. The main keywords used were "agihan" or "distribution" or "bantuan" or "assistance" and "zakat" and "institusi zakat" or "zakat institutions" and "hospital" or "petugas barisan hadapan" or "Frontline workers" and "pandemik COVID-19". The study found that there were sixteen articles that discussed the distribution of zakat fund allocation by zakat institutions in Malaysia to hospitals and frontline workers during the COVID-19 pandemic. The eleven articles cover the amount of zakat funds allocated to hospitals and front lines and zakat assistance schemes provided by zakat institutions to help the health and safety sectors severely affected during the COVID-19 outbreak. Among the two main schemes of zakat assistance to hospitals and frontline are medical assets to hospitals and clinics and food to frontline staff.</i></p> <p><i>Keywords: Assistance, COVID-19, Frontliners, Hospitals, Zakat Institutions.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Sektor kesihatan antara sektor yang terkesan dengan kewujudan wabak COVID-19. Hal ini menyebabkan pengoperasian hospital semakin sibuk dengan pertambahan pesakit yang memerlukan rawatan. Kesannya, alatan perubatan yang sedia ada tidak cukup untuk merawat pesakit COVID-19 yang semakin hari</i></p>

	<p><i>makin bertambah. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti peruntukan dana zakat yang diberikan oleh institusi zakat di Malaysia dalam memberi bantuan kepada hospital dan petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus bekerja keras dalam menangani wabak COVID-19 semasa tempoh pandemik. Sorotan literatur sistematik (Systematic Literature Review) adalah metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam pencarian artikel-artikel yang khusus bagi memenuhi kehendak kajian. Terdapat tiga fasa dalam memilih artikel yang sesuai dengan tema kajian iaitu mengenalpastian (identification), saringan (screening) dan kelayakkan (eligibility). Dua pangkalan data (database) telah dipilih dalam kajian ini iaitu laman web Google Search Engine dan Google Scholar. Kata kunci utama yang digunakan adalah seperti "agihan" or "distribution" or "bantuan" or "assistance" and "zakat" and "institusi zakat" or "zakat institutions" and "hospital" or "petugas barisan hadapan" or "Frontline workers" and "pandemik COVID-19". Hasil kajian mendapati terdapat enam belas artikel yang membincangkan agihan peruntukan dana zakat oleh institusi zakat di Malaysia kepada hospital dan petugas barisan hadapan semasa pandemik COVID-19. Sebelas artikel tersebut meliputi jumlah dana zakat yang diperuntukan kepada hospital dan barisan hadapan dan skim-skim bantuan zakat yang disediakan oleh institusi zakat untuk membantu sektor kesihatan dan keselamatan yang terjejas terus semasa wabak COVID-19. Antara dua skim utama bantuan zakat kepada hospital dan barisan hadapan ialah aset perubatan kepada hospital dan klinik dan makanan kepada petugas barisan hadapan.</i></p> <p><i>Kata Kunci: Bantuan, COVID-19, Barisan Hadapan, Hospital, Institusi Zakat.</i></p>
--	---

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Penularan wabak COVID-19 telah bertapak di Malaysia selama hampir 2 tahun lebih dan telah memberi kesan dan perubahan yang besar terhadap gaya hidup dalam kalangan masyarakat. Situasi ini sangat merisaukan dan membimbangkan dek kerana kes jangkitan COVID-19 di Malaysia masih tinggi dan kemunculan varian baharu Omicron berasal dari Afrika Selatan yang mampu merebak dengan lebih pantas dan mudah kepada orang ramai berbanding varian Beta dan Delta (Kementerian Kesihatan Malaysia 2021). Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2022), kes positif jangkitan COVID-19 di Malaysia telah mencapai lebih 3 juta kes dan kadar kematian telah meragut lebih 32,000 nyawa.

Wabak COVID-19 mula memasuki negara kita pada awal tahun 2020, rentetan daripada itu pihak kerajaan telah melaksanakan Perintah kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan wabak tersebut daripada menjangkiti lebih ramai orang. Hospital-hospital kerajaan semakin sibuk dan sesak dengan kemasukan pesakit kritikal COVID-19 yang memerlukan alat pernafasan seperti ventilator. Semasa pandemik COVID-19, Petugas barisan hadapan seperti doktor, jururawat, polis, tentera, rela dan seumpamanya telah bekerja keras dan bersungguh-sungguh serta mengorbankan diri mereka dengan bahaya COVID-19 bagi memastikan rantaian jangkitan COVID-19 dapat dihapuskan.

Jika diimbak kembali pada awal penularan jangkitan COVID-19 pada tahun 2020, ia merupakan detik-detik yang mencemaskan bagi jabatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). COVID-19 merupakan penyakit kronik yang menyerang salur pernafasan seseorang individu dan alatan bantuan pernafasan amat diperlukan bagi pesakit COVID-19 yang kritikal dan kronik. Jumlah pesakit COVID-19 semakin hari semakin meningkat. Alat bantuan pernafasan (Ventilators) di setiap hospital amat terhad dan mampu menampung jumlah pesakit dalam keadaan biasa. Kadar kepenggunaan katil pesakit di Unit Rawatan Rapi (ICU) semakin meningkat akibat kemasukan pesakit COVID-19 yang menyebabkan katil di hospital tidak mencukupi (Berita Harian 2022). Selain itu, barang keperluan pencegahan dan perlindungan diri seperti Personal Protective Equipment (PPE) dan cecair pembasmi kuman yang banyak digunakan oleh petugas barisan hadapan terutamanya doktor, jururawat, pengurus jenazah, pegawai polis, tentera dan seumpamanya mula berkurangan setiap hari.

Isu kekurangan aset perubatan yang membabitkan beberapa hospital utama telah membuka mata institusi zakat untuk mengorak langkah ke hadapan dalam memperuntukkan wang dana zakat bagi tujuan pembelian peralatan aset perubatan bagi merawat pesakit COVID-19 dan kegunaan petugas barisan hadapan. Sumbangan alatan pernafasan (ventilators) dan katil pesakit COVID-19 di ICU telah diagihkan kepada hospital yang memerlukan serta sut PPE bagi kegunaan doktor, jururawat dan seumpamanya. Alternatif bantuan aset perubatan kepada hospital semasa pandemik COVID-19 dengan menggunakan dana zakat merupakan perkara baharu yang dilakukan oleh institusi zakat di Malaysia dan diharapkan bantuan berupa pembelian peralatan hospital ini dapat merawat lebih banyak pesakit COVID-19. Agihan ini merupakan ijtihad bersama antara jabatan mufti dan institusi zakat dalam memastikan agihan yang dilakukan menepati syariat dan termasuk dalam golongan mereka yang layak menerima zakat.

Selain itu, kredit juga perlu diberikan kepada hero Malaysia iaitu petugas barisan hadapan yang mengerah tenaga melindungi negara daripada ancaman penularan wabak COVID-19. Bekerja dalam suasana negara dilanda penyakit berbahaya merupakan risiko yang perlu ditempuhi oleh mereka kerana mereka lebih mudah dijangkiti wabak COVID-19 ini dan menjangkiti ahli keluarga yang terdekat. Sepanjang PKP 1.0 dilaksanakan, kes harian COVID-19 semakin hari menurun dan hampir mencecah angka sifar. Hal ini disebabkan kerja keras dan sumbangan cemerlang yang ditunjukkan oleh barisan petugas hadapan seperti doktor dan jururawat, pegawai polis, tentera, APM, RELA dan sebagainya dalam menangani wabak COVID-19 dengan baik. Pergorbanan petugas barisan hadapan negara patut diberi penghargaan dan sokongan terhadap usaha murni mereka dalam memerangi wabak COVID-19 daripada terus berleluasa (Berita Harian 2020).

Oleh yang demikian, institusi zakat antara agensi agama di Malaysia yang tidak ketinggalan dalam menghulurkan bantuan kebajikan seperti pemberian makanan dan minuman kepada petugas barisan hadapan yang bertugas kepada pandemik COVID-19. Alternatif institusi zakat yang memperuntukkan wang dana zakat kepada petugas barisan hadapan sedikit sebanyak dapat menghilangkan penat mereka ketika bertugas serta memberi perangsang kepada mereka untuk terus kuat bekerja bagi melindungi negara daripada wabak COVID-19. Berdasarkan kajian Abdul Aziz et al. (2020), semasa pandemik kebanyakan petugas barisan hadapan mengalami depresi akibat keletihan kerana terpaksa bekerja lebih masa. Tanpa mereka, lebih senang bagi masyarakat setempat untuk melanggar peraturan yang ditetapkan oleh pemerintah ketika PKP kerana kebenaran hanya diberikan kepada ketua keluarga untuk keluar dari rumah bagi urusan yang penting dan munasabah sahaja.

Menurut Rahman & Sukari (2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa harus menggunakan wang dana zakat seperti yang digunakan sebahagian institusi zakat negeri-negeri bagi tujuan menjaga kebajikan petugas hadapan menunjukkan bahawa keprihatinan institusi zakat. Ini jelas menunjukkan bahawa zakat banyak memberi rahmah kepada umat Islam dalam apa jua keadaan, selagi mana ia tidak terkeluar daripada ruang lingkup asnaf. Berdasarkan isu kekurangan aset perubatan dan kebajikan petugas barisan hadapan semasa pandemik COVID-19, institusi zakat mempunyai peranan sebagai sebuah institusi kewangan sosial Islam (Kuanova et al. 2021) dan juga bertindak sebagai agen pelengkap kepada tanggungjawab pihak kerajaan (Mohamad Syibli 2021) dalam memberi bantuan dengan memperuntukkan dana zakat yang besar kepada hospital-hospital dan petugas barisan hadapan yang terkesan semasa pandemik COVID-19.

Persoalannya, apakah bentuk skim bantuan dan berapakah peruntukan dana zakat yang diagihkan oleh institusi zakat/MAIN di Malaysia kepada hospital dan petugas barisan hadapan semasa pandemik COVID-19. Dalam artikel ini, perbincangan mengenai peranan zakat dalam membantu hospital dan petugas barisan hadapan semasa pandemik COVID-19 dibincangkan dengan meneliti pelbagai usaha yang dilakukan oleh institusi zakat di Malaysia dalam menyediakan peruntukkan dan zakat yang besar bagi memudahkan urusan mereka. Kajian ke atas institusi zakat di beberapa negeri dilakukan dan dihuraikan secara systematic literature review (SLR). Kertas kerja ini dibahagikan kepada empat bahagian utama. Bahagian pertama membincangkan tentang latar belakang kajian. Bahagian kedua mengenai metodologi penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Bahagian ketiga merupakan bahagian penting yang

memfokuskan mengenai hasil dan perbincangan kajian iaitu analisis sistematik sorotan literatur mengenai peruntukkan dana yang diagihkan oleh institusi zakat/MAIN di Malaysia kepada hospital dan petugas barisan hadapan semasa pandemik COVID-19. Akhir sekali, bahagian keempat merupakan penutup dalam kajian ini.

## **METODOLOGI KAJIAN**


Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis sorotan literatur secara sistematik atau *systematic literature review* (SLR). Terdapat beberapa pengkaji yang menggunakan kaedah ini dalam kajian mereka antaranya Syarul Azman et.al (2021), Rabiatuladawiyah dan Nizam (2020), Rahisam et.al (2021), Nor Atiqah et. Al (2020) dan Suhaimi et.al (2021). Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenal pasti agihan zakat kepada hospital dan petugas barisan hadapan semasa pandemik COVID-19. Dalam kajian ini terdapat 3 peringkat yang perlu dilalui oleh pengkaji dalam mengaplikasikan kaedah SLR ini. 3 peringkat tersebut adalah pengenpastian (*identification*), saringan (*screening*) dan kelayakan (*eligibility*). Tiga peringkat ini perlu melalui proses yang ketat dan teliti.

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan membuat pencarian khusus dengan memfokuskan kepada dua pangkalan data (*database*) iaitu laman web *Google Search Engine* dan *Google Scholar*. *Google Search Engine* juga dikenali sebagai Google ialah enjin carian yang disediakan oleh Google. Kelebihannya ialah mempunyai 92% bahagian pasaran enjin carian global dan merupakan laman web yang paling banyak diakses di dunia serta dapat mengendalikan lebih daripada 3.5 bilion carian setiap hari. *Google Scholar* pula merupakan salah satu pangkalan data yang mengindeks teks penuh atau metadata kesusasteraan ilmiah meliputi pelbagai format dan disiplin penerbitan. *Google Scholar* kebanyakannya terdiri daripada jurnal akademik dalam talian dan buku, kertas persidangan, tesis dan disertasi, pracetak, abstrak, laporan teknikal dan kesusasteraan ilmiah termasuk pendapat mahkamah dan paten. Penggunaan lebih daripada satu pangkalan data adalah lebih baik dan telah memenuhi syarat dalam kajian ini (Amran et al. 2020). Pada peringkat awal iaitu pengenpastian adalah langkah untuk mengenal pasti artikel yang menjurus kepada perbincangan mengenai agihan zakat semasa pandemik COVID-19 secara umum tanpa mengkhususkan golongan sasaran yang terbabit.

Hasil carian menunjukkan terdapat 374,520 item yang berkaitan. Bagi mendapatkan artikel yang memfokuskan bantuan zakat kepada hospital dan petugas barisan hadapan sahaja, pengkaji menggunakan beberapa kata kunci ketika proses carian di pangkalan data. Hal ini kerana, semakin banyak kata kunci maka potensi untuk mendapatkan artikel yang berkaitan semakin tinggi. Hasilnya, berlakunya pengurangan item sebanyak 373,372 yang menjadikan jumlah terkumpul terbaharu sebanyak 1148. Kata kunci yang digunakan adalah seperti berikut; *Google Search Engine*: (agihan zakat or distribution or bantuan zakat or sumbangan zakat or zakat assistance and institusi zakat or zakat institutions and hospital and petugas barisan hadapan or frontline workers and COVID-19 or penyakit berjangkit or musibah or bencana or pandemik), *Google Scholar*: Title-Abs- "agihan" OR "distribution" OR "bantuan" OR "assistance" AND "zakat" AND "institusi zakat" OR "zakat institutions" AND "hospital" OR "petugas barisan hadapan" OR "Frontline workers" AND "pandemik COVID-19".

Seterusnya, proses saringan akan dilakukan untuk memperkecilkan skop perbincangan yang utama dengan membuang artikel yang tidak menepati tema kajian berdasarkan dua syarat iaitu tempoh penerbitan artikel bermula daripada tahun 2019 sehingga 2022 dan artikel tersebut mesti diterbitkan daripada jurnal, buku mahupun persidangan. Dapatan carian selepas melakukan saringan dengan dua syarat tersebut, merekodkan pengurangan sebanyak 1,134 dan sebanyak 14 artikel yang diperolehi.

Peringkat terakhir iaitu kelayakan amat penting untuk dilakukan bagi memastikan pemilihan artikel menepati tema kajian dan ia perlu dilakukan secara manual dengan meneliti satu persatu artikel yang telah disaring. Pada peringkat ini, jumlah artikel yang tidak memenuhi kriteria adalah sebanyak 6 artikel manakala terdapat 8 artikel penambahan artikel yang menjadikan jumlah keseluruhan artikel yang perlu dikaji dalam kajian ini adalah sebanyak 16 artikel. Rajah 1 menunjukkan prosedur-prosedur dan jumlah dapatan artikel yang dikaji dalam kajian ini.



Rajah 1: SLR Agihan Zakat kepada Hospital dan Petugas Barisan Hadapan semasa Pandemik COVID-19

#### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Secara umumnya, pengkaji mendapat banyak artikel yang menjelaskan tentang peranan institusi zakat/MAIN di Malaysia dalam membantu rakyat yang kesusahan di waktu pandemik COVID-19. Namun dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan peranan institusi zakat dalam menghulurkan bantuan kepada hospital dan petugas barisan hadapan semasa pandemik COVID-19. 16 artikel telah dikenal pasti sebagai artikel yang menepati tema kajian untuk dianalisis secara sistematik

dalam kajian ini. 16 artikel hasil daripada analisis sorotan literatur sistematik dapat dilihat pada Jadual 1 berikut:

Bil	Penulis	Terbitan	Tajuk	Isu/Gap	Dapatan kajian
1.	Zainatul, Mustapah ayuddi, Wan Ainaa, dan Azlan (2021)	International Seminar on Syariah and Law (INSLA) E-Proceedings	Peranan Majlis Agama Islam Negeri Johor semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat Pandemik COVID-19	Penyelidikan ini untuk menganalisis jenis-jenis bantuan dan sumbangan COVID-19 sepanjang PKP yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor.	Hasil kajian mendapati bahawa Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) telah memperuntukkan bantuan berupa keperluan aset perubatan dan bukan perubatan kepada hospital di yang terlibat dalam menangani COVID-19 melalui Jabatan Kesihatan Negeri Johor.
2.	Faizal dan Hairunnizam (2020)	Bab dalam buku "Pengurusan Zakat di Malaysia, Isu dan Cabaran COVID-19 terbitan UKM	Peranan Institusi Zakat Ketika Pandemik COVID-19	Kajian ini memfokuskan kepada peranan Institusi Zakat Negeri semasa tempoh PKP dalam usaha bersama Kerajaan menghapuskan rantaian jangkitan COVID-19 serta mengurangkan kesan negatif ekonomi segera kepada asnaf dan golongan yang terjejas.	Kajian mendapati terdapat 11 institusi zakat/MAIN di Malaysia yang memperuntukkan dana zakat kepada sektor kesihatan bagi merawat pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19. Antara institusi tersebut adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Majlis Agama Islam Johor (MAIJ): Keperluan aset perubatan dan bukan perubatan. (RM0.60 juta)</li> <li>2. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs): Peruntukan Peralatan dan Sokongan Frontliners. (RM0.02 juta)</li> <li>3. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK): Sumbangan pek makanan untuk Frontliners yang bertugas di Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II Kota Bharu. (RM0.01 juta)</li> <li>4. Majlis Ugama Islam &amp; Adat Resam Melayu Pahang (MUIP): Pembelian peralatan hospital. (RM0.12 juta)</li> <li>5. Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS): Bantuan peralatan hospital. (RM1 juta)</li> <li>6. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM): Bantuan petugas hadapan/ Frontliners COVID-19. (RM0.09 juta)</li> <li>7. Majlis Agama Islam Melaka (MAIM): <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Bantuan pencegahan dan rawatan COVID-19 kepada Hospital Melaka, Hospital</li> </ol> </li> </ol>

					<p>Jasin dan Hospital Alor Gajah. (RM0.02 juta)</p> <p>ii. Bantuan bekalan memasak bagi petugas barisan hadapan. (RM0.01 juta)</p> <p>8. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP):</p> <p>i. Bantuan peralatan pernafasan kepada 7 buah hospital. (RM3.27 juta)</p> <p>ii. Sumbangan facemask, thermometer dan hand sanitizer menerusi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). (RM5.06 juta)</p> <p>iii. Bantuan Frontliners. (RM0.21 juta)</p> <p>9. Lembaga Zakat Selangor (LZS):</p> <p>i. Bantuan Peralatan kepada Hospital. (RM0.80 juta)</p> <p>ii. Bantuan makanan kepada Frontliners dan pelajar. (RM0.20 juta)</p> <p>10. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk):</p> <p>i. Bantuan khas Frontliners COVID- 19. (RM0.50 juta)</p> <p>ii. Sumbangan khas peralatan kesihatan dan perubatan. (RM1 juta)</p> <p>11. Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK):</p> <p>i. Membeli peralatan dan alat bantuan pernafasan (ventilator) bagi tujuan penempatan mangsa COVID-19 di ICU dan juga wad biasa. (RM0.64 juta)</p> <p>ii. Tajaan makan tengah hari sukarelawan menjahit pakaian PPE oleh peserta pusat kemahiran jahitan LZNK untuk Kolej Kejururawatan. (RM0.01 juta)</p>
3.	Aisyah dan Hairunnizam, (2020)	Bab dalam buku "Pengurusan Zakat di Malaysia, Isu dan Cabaran COVID-19 terbitan UKM	Peranan Pusat Zakat dalam Membantu Pendapatan Golongan B40 semasa Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19	Kajian ini ingin mengenalpasti peranan pusat zakat dalam membantu mengurangkan beban ekonomi tersebut terutama terhadap	<p>Hasil kajian mendapati terdapat lima institusi zakat/MAIN di Malaysia yang menghulurkan sumbangan zakat dalam bentuk peralatan kesihatan kepada hospital bagi merawat pesakit COVID-19. Antara institusi zakat/MAIN yang terlibat adalah seperti berikut:</p> <p>1. Majlis Agama Islam Johor (MAIJ): Bantuan keperluan</p>

				golongan B40.	<p>aset perubatan dan bukan perubatan kepada semua hospital yang terlibat menangani wabak COVID-19 melalui Jabatan Kesihatan Negeri Johor. (RM 0.60 juta)</p> <p>2. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM): Jumlah bantuan prihatin petugas barisan hadapan “Frontliners” sebanyak RM 30,000.</p> <p>3. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP): Bantuan peralatan pernafasan kepada 7 buah hospital (RM3.27 juta)</p> <p>4. Lembaga Zakat Selangor (LZS):</p> <p>i. Bantuan dari segi peralatan perubatan kepada hospital-hospital yang menangani kes COVID-19 (RM 0.80 juta)</p> <p>ii. Bantuan untuk petugas hadapan dan pelajar. Setiap petugas dan pelajar akan mendapat bantuan makanan bernilai RM 30. (RM 0.20 juta)</p> <p>5. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk):</p> <p>i. Sumbangan khas peralatan kesihatan dan perubatan yang disalurkan kepada hospital-hospital di negeri Perak. Bantuan ini diberikan untuk menampung keperluan peralatan rawatan dan perubatan menangani COVID-19 berdasarkan cadangan atau permintaan Jabatan Kesihatan Negeri Perak. (RM 1 juta)</p> <p>ii. Bantuan Khas Petugas Barisan Hadapan COVID-19 yang disalurkan melalui Jabatan Kesihatan Negeri Perak, PDRM, ATM dan agensi-agensi lain untuk keperluan kebajikan petugas-petugas Ketika bertugas di barisan hadapan. (RM 0.50 juta)</p>
--	--	--	--	---------------	---

4.	Azman dan Afaf (2020)	Journal of Fatwa Management and Research	Institusi Zakat Dalam Mendepani Wabak COVID-19 di Malaysia: Isu dan Cadangan Garis Pandangan	Kajian bertujuan untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan zakat dalam mendepani wabak Covid-19 dan mencadangkan garis panduan zakat bencana bagi penyakit berjangkit.	Kajian ini mendapati terdapat dua institusi zakat memberi peruntukan dana zakat kepada hospital dan Frontliner semasa pandemik COVID-19. Antara institusi zakat tersebut adalah: 1. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS): inisiatif khas bagi menangani wabak Covid-19 yang bertujuan meringankan beban dan kesulitan kepada pihak yang terlibat sepanjang PKP termasuklah orang awam yang dikuarantin di rumah, asnaf fakir miskin, petugas hadapan. (RM 4.3 juta) 2. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP): i. Bantuan peralatan pernafasan seperti BIPAP Machine (ICU), ventilator ICU, home ventilator dan peralatan-peralatan lain yang diagihkan kepada tujuh buah hospital di Wilayah Persekutuan melalui misi Musaadah COVID-19 yang dilancarkan oleh MAIWP. (RM 3.27) ii. MAIWP menyediakan bantuan makanan harian sepanjang PKP kepada petugas hadapan di hospital, pelajar serta penghuni insituti perlindungan. (RM 0.049 juta)
5.	Anwar, Roziah dan Mat Sidek, (2021)	Journal of Fatwa Management and Research	Komitmen Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) Dalam Era COVID-19 di Negeri Sembilan	Kajian ini adalah untuk meneliti peranan zakat di Negeri Sembilan dalam usaha mendepani Covid 19 ketika PKP diisytiharkan serta menyenaraikan bantuan MAINS melalui sumber agihan zakat tersebut.	Kajian ini menunjukkan MAINS berperanan memberikan bantuan zakat berupa pek makanan dan makanan kering kepada 9921 anggota keselamatan yang terdiri daripada polis, tentera, Angkatan Pertahanan Malaysia dan Rela yang memakan belanja sebanyak RM 20,000.00. Selain itu, MAINS turut memberikan bantuan makanan kepada 19580 kakitangan yang terdiri daripada jururawat, doktor, pentadbir dan seumpamanya di empat buah hospital di Negeri Sembilan yang berjumlah RM 38,942.00.

6.	Faisol Ibrahim, (2020)	E-Prosiding Seminar Kewangan Islam Kebangsaan 2020	Pandemik COVID-19 dan Implikasi Terhadap Institusi Zakat di Malaysia sebagai Institusi Kewangan Sosial Islam	Kajian ini adalah untuk menganalisis kesan Pandemik COVID-19 terhadap institusi zakat di Malaysia dan juga membuat penilaian terhadap agihan zakat yang telah dilaksanakan oleh semua institusi zakat di Malaysia.	Antara institusi zakat yang terlibat dalam memberikan bantuan zakat kepada hospital dan petugas barisan hadapan semasa pandemik COVID-19 dalam kajian ini adalah seperti berikut: 1. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP): Bantuan kepada golongan asnaf baharu iaitu barisan hadapan (frontliner) serta sumbangan peralatan pernafasan kepada tujuh hospital di Wilayah Persekutuan bernilai RM3.27 juta telah diagihkan. 2. Lembaga Zakat Selangor (LZS): i. Bantuan kepada barisan hadapan (frontliners) dan pelajar. (RM 0.20 juta) ii. Sumbangan dana zakat kepada hospital di sekitar Selangor yang menangani COVID-19 seperti Hospital Sg. Buloh. (RM 0.80 juta)
7.	Hanif, Aiman, Wan Abd Rahman dan Aminudin, (2021)	International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam (IRJSMI)	Peranan Zakat di Malaysia dalam Mendepani Pandemik COVID-19	Penyelidikan ini akan mengkaji dengan lebih mendalam tentang bantuan yang diberikan dan saluran yang digunakan untuk membantu asnaf zakat yang terjejas akibat pandemik COVID-19.	Hasil kajian mendapati peranan MAIWP dan LZS dalam memberi bantuan kepada sektor kesihatan yang terjejas teruk semasa pandemik COVID-19. 1. Bantuan juga diberikan kepada hospital sekitar Wilayah Persekutuan. Sebanyak RM3.27 juta dalam bentuk bantuan peralatan pernafasan diberikan kepada tujuh buah hospital. 2. LZS juga tidak terlepas memberi bantuan peralatan perubatan kepada 13 buah klinik dan hospital terpilih di Selangor, dengan peruntukan sebanyak RM0.8 juta.
8.	Nurfitriyah, Azri, Faiz dan Ashrof (2021)	International Journal of Academic Research	Analisis Agihan Zakat di Lembaga Zakat Selangor semasa Pandemik COVID-19	Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan menilai keberkesanan agihan zakat semasa pandemik COVID-19.	Kajian ini memfokuskan agihan zakat di LZS semasa pandemik COVID-19. Antara bantuan yang diagihkan ialah Bantuan Khas COVID yang diberikan kepada golongan yang terjejas semasa PKP seperti golongan B40 yang terjejas sumber pendapatan, petugas barisan hadapan dan pelajar IPT, hospital-hospital yang menangani COVID-19. Bentuk bantuan khas ini melibatkan pembelian Personal Protection Equipment (PPE)

					kepada hospital serta makanan kepada petugas barisan hadapan.
9.	Hazwan, Nor Habibi dan Nor Hayati (2021)	International Journal of Islamic Business	Inisiatif dan Inovasi Institusi Zakat Era Pandemik COVID-19 – Satu Penelitian Terhadap Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)	Kajian ini untuk mengenalpasti cabaran dan inovasi yang dilakukan oleh institusi zakat di Malaysia.	Kajian mendapati di Kedah, LZNK telah melancarkan Program vaksinasi covid-19 dan klinik bergerak dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Impak dua program ini ialah mengatasi masalah penduduk kawasan pedalaman yang mengalami kesukaran untuk keluar ke pusat vaksinasi kerana masalah jarak dan pengangkutan serta memberi perkhidmatan kesihatan secara mobil terutamanya kepada golongan asnaf dan masyarakat di negeri Kedah yang memerlukan.
10.	Fathullah Asni (2021)	International Journal of Islamic Economics and Finance Research	Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat oleh MAIPs ketika COVID-19 di Negeri Perlis: Suatu Sorotan Kajian	Kajian ini adalah untuk mengkaji pengurusan kutipan dan agihan zakat oleh Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) semasa pandemik COVID-19 di negeri Perlis.	Kajian mendapati bahawa MAIPs juga telah memperuntukkan zakat kepada petugas barisan hadapan melalui Pejabat Kesihatan Negeri, Pejabat Pelajaran Negeri, Polis, Tentera, Angkatan Pertahanan Awam dan lain-lain yang melibatkan pihak berkuasa negeri.
11.	Nasrul, Ummi Sulaim, Nadiah dan Sumaiyah (2021)	Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies	Peranan Filantropi Kewangan Islam dalam Mendepani COVID-19: Satu Tinjauan Awal	Kajian ini melihat peranan institusi kewangan Islam seperti Zakat, Wakaf, Takaful, Hibah sebagai mekanisem filantropi Islam dalam membantu masyarakat Islam supaya lebih berdaya tahan dalam berhadapan dengan situasi genting ini.	Kajian ini menunjukkan bahawa MAIWP telah memperuntukkan dana zakat yang bernilai RM 3.27 juta bagi bantuan kepada barisan hadapan (frontliner) serta sumbangan peralatan pernafasan kepada tujuh hospital.

12.	Amirul Afif Muhamat (2020)	The Empirical Economics Letters	Covid-19 Outbreaks Dissipates Misconception on Zakat	Kajian ini bertujuan untuk menilai penggunaan zakat untuk memperbaiki keadaan masyarakat akibat wabak Covid-19 yang telah menyebabkan kemerosotan ekonomi di Malaysia	Kajian mendapati terdapat tiga institusi zakat/MAIN di Malaysia yang memperuntukkan dana zakat kepada hospital dan petugas barisan hadapan wabak semasa pandemik COVID-19. Antara institusi tersebut adalah seperti berikut: 1. Lembaga Zakat Selangor (LZS): Menyediakan keperluan harian dan perubatan kepada hospital yang merawat pesakit COVID-19. 2. Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK): Menyumbangkan tiga mesin ventilator kepada tiga ventilator ke hospital besar negeri digunakan untuk pesakit Covid-19. 3. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP): RM 3.27 juta dana telah diagihkan kepada tujuh hospital di wilayah persekutuan untuk membeli peralatan kesihatan dan perubatan berikutan penularan wabak Covid-19.
13.	Yusuf, Mohamad tahir, Norhayati (2022)	The Role of Islamic Social Finance Instruments in Reviving the Economy during the Covid-19 Pandemic Crisis in Malaysia	International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences	Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan Instrumen kewangan sosial Islam, khususnya zakat, wakaf, dan crowdfunding Islam, dalam membantu mereka yang terjejas akibat wabak COVID-19.	Kajian ini mendapati Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menyalurkan RM232.2 juta kepada individu, keluarga, pelajar, barisan hadapan, hospital dan lain-lain sejak Mac 2020.
14.	Nurul Ashiqeen, Wan Noor Hazlina (2021)	Role of Zakat in Assisting Affected People during COVID-19 Pandemic: A Comparison between Terengganu and Selangor	International Muamalat Conference (IMAC) 2021	Kajian ini tujuannya adalah untuk menerangkan peranan zakat dalam membantu mereka yang terjejas semasa pandemik COVID-19	Kajian ini merupakan kajian perbandingan antara peranan yang dilakukan oleh MAIDAM dan LZS dalam mengagihkan bantuan kepada mereka yang terjejas semasa COVID-19. Bagi sektor kesihatan dan kesihatan, MAIDAM telah memberikan bantuan kepada petugas barisan hadapan COVID-19 dan membekalkan keperluan pihak hospital. Manakala, LZS telah menyalurkan RM 1 juta kepada hospital kerajaan, pusat

					kesihatan daerah dan barisan petugas hadapan semasa negara dilanda wabak COVID-19.
15.	Rosnia, Maliah, Hafiz-Majdi (2021)	Innovative Zakat Distribution Practices of Malaysian State Zakat Institutions and Their SocioEconomic Impact During the COVID19 Pandemic	International Journal of Innovation, Creativity and Change	Kajian itu mengkaji amalan agihan zakat institusi zakat seluruh Malaysia semasa pandemik COVID-19	<p>Terdapat subtopik bantuan zakat kepada barisan petugas hadapan dan hospital dalam kajian ini. Antara institusi yang terlibat dalam memberikuk bantuan tersebut adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. MAIWP: RM3.27 juta telah disalurkan kepada tujuh hospital yang merawat COVID-19 untuk pembelian peralatan perubatan dan ubat-ubatan, seperti mesin BiPAP, ventilator, ventilator rumah, dan peralatan lain.</li> <li>2. LZS: RM1 juta telah diperuntukkan kepada hospital dan pejabat kesihatan daerah di Selangor untuk dapatkan sut peralatan pelindung diri (PPE) dan hantar bantuan makanan.</li> <li>3. MAINS: Mengagihkan peralatan perubatan dan bantuan makanan kepada hospital dan pejabat kesihatan malah kepada mereka yang berkuarantin di rumah.</li> <li>4. MUIS: pihak MUIS menyumbang dana tambahan sebanyak RM1.4 juta kepada Kementerian Kesihatan (KKM) pada 9 November 2020. Bantuan khas itu turut dihulurkan kepada 56 kakitangan barisan hadapan.</li> <li>5. MAIM: MAIM memberikan kipas dan sanitizer kepada hospital serta vitamin C dan makanan harian untuk kakitangan barisan hadapan, termasuk mereka di pusat kuarantin.</li> <li>6. MAIPk: MAIPk telah memperuntukkan RM1 juta untuk perubatan peralatan dan rawatan untuk COVID-19. MAIPk juga menyumbang RM500,000 untuk menghargai barisan petugas hadapan, termasuk dari Kementerian Kesihatan (KKM), pasukan polis (PDRM), dan tentera (Angkatan Tentera Malaysia).</li> <li>7. MUIP: MUIP telah membeli 20 set mesin oksigen dan</li> </ol>

					peralatan pemeriksaan untuk dua hospital yang merawat COVID-19. 8. MAIDAM: pihak MAIDAM, melalui Negeri Jabatan Kesihatan telah menaja peralatan perubatan untuk COVID-19, serta bantuan makanan untuk kakitangan barisan hadapan dan keluarga mereka sebagai tanda penghargaan atas pengorbanan mereka.
16.	Hambari, Arif, Muntaha (2020)	The Role of Zakat Institution in Facing Covid-19: A Case Study of the Federal Territory Islamic Council (MAIWP) of Malaysia	International Conference of Zakat Proceedings (ICONZ) 2020	Kajian ini bertujuan untuk meninjau peranan Zakat dari sudut perundangan Islam dan aplikasinya dalam institusi zakat dengan mengambil kes Majlis Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang telah membantu golongan yang terjejas semasa pandemik COVID-19.	Kajian ini menunjukkan bahawa MAIWP telah memperuntukkan RM 3.27 juta dana zakat untuk bantuan kepada barisan hadapan (frontliner) serta sumbangan peralatan pernafasan kepada tujuh hospital.

Jadual 1: Hasil Analisis Sorotan Literatur Sistematis

**HASIL ANALISIS KAJIAN SOROTAN LITERATUR SISTEMATIK**

Berdasarkan hasil analisis sorotan literatur sistematik yang dilakukan dengan merujuk kepada Jadual 1, terdapat 16 artikel berkaitan rapat dengan tema utama dalam kajian ini yang membicarakan tentang peruntukan dana zakat yang disumbangkan oleh institusi zakat/MAIN di Malaysia kepada hospital dan petugas barisan hadapan semasa pandemik COVID-19. Perincian jumlah dana zakat bagi hospital dan barisan hadapan bagi setiap negeri adalah di Jadual 2.

Bil	Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Pusat Zakat	Jumlah Dana Zakat yang diperuntukkan (RM Juta)	Peratusan (%)
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)	0.01	0.07
2.	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	8.6	61.08
3.	Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)	0.12	0.85
4.	Majlis Agama Islam Johor (MAIJ)	0.6	4.26
5.	Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)	0.03	0.21
6.	Lembaga Zakat Selangor (LZS)	1.0	7.10

7.	Zakat Pulau Pinang (ZPP)	-	-
8.	Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)	0.65	4.62
9.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)	0.02	0.14
10.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	0.06	0.43
11.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	0.09	0.64
12.	Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	1.4	9.94
13.	Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)	-	-
14.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)	1.5	10.65
Jumlah		14.08	100.00

Jadual 2: Jumlah dana zakat bagi hospital dan barisan hadapan

Jadual 2 menunjukkan jumlah dana zakat yang diperuntukkan oleh setiap institusi zakat bagi negeri-negeri di Malaysia kepada hospital dan barisan hadapan semasa negara dilanda wabak COVID-19. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) mencatatkan peruntukan bantuan zakat khusus kepada hospital dan barisan hadapan yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain iaitu sebanyak RM 8.6 juta (61.08%). Ini diikuti oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) sebanyak RM 1.5 juta (10.65%) di tangga kedua dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) di tangga ketiga iaitu sebanyak RM 1.4 (9.94%). Manakala Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) memperuntukan bantuan zakat sebanyak RM 0.01 juta yang diwakili 0.07 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Pengkaji telah melakukan penelitian terhadap peruntukan dana zakat yang disumbangkan oleh institusi zakat dan mendapati terdapat dua skim bantuan zakat yang disediakan oleh institusi zakat dengan menggunakan dana zakat hasil kutipan orang Islam dalam memberi bantuan kepada sektor kesihatan dan keselamatan yang terkesan dengan wabak COVID-19. Dua skim bantuan zakat tersebut adalah seperti berikut:

#### a. Bantuan Aset Perubatan Kepada Hospital dan Klinik

Apabila kes jangkitan COVID-19 meningkat, hospital-hospital utama di Malaysia menjadi semakin sibuk dan sesak dengan peningkatan kadar kemasukan pesakit ke ICU, penggunaan alat pernafasan atau ventilator serta kes kematian akibat wabak COVID-19. Hal ini dapat dibuktikan apabila penggunaan katil ICU COVID-19 di hospital sekitar Kelantan menunjukkan peningkatan dalam tempoh yang singkat (Harian Metro 2021). Isu kekurangan alat penafasan atau ventilator bagi pesakit COVID-19 telah dapat diselesaikan apabila institusi zakat cakna dan prihatin terhadap permasalahan yang berlaku. Oleh yang demikian, sebahagian institusi zakat memperuntukkan dana zakat yang besar dalam membiayai aset perubatan seperti bantuan peralatan pencegahan seperti *Personal Protection Equipment* (PPE) dan bantuan peralatan rawatan pernafasan seperti ventilator ICU, home ventilator dan mesin *Bilevel Positive Airway Pressure* (BiPap) kepada hospital dan klinik yang memerlukan di negeri masing-masing. Selain itu, bantuan aset bukan perubatan juga diperuntukkan seperti Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang melancarkan klinik bergerak melalui kerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah untuk memudahkan rakyat terutamanya asnaf bagi menerima vaksin COVID-19.

#### b. Bantuan Makanan Kepada Petugas Barisan Hadapan (*Frontliners*)

Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020, pelbagai pihak telah menjalankan peranan sebagai petugas barisan hadapan dalam mengekang penularan wabak COVID-19 secara meluas di Malaysia. Antara petugas barisan hadapan yang berkoban nyawa demi negara tercinta semasa pandemik COVID-19 ialah kakitangan hospital Kementerian Kesihatan Malaysia seperti doktor, jururawat, pembantu perubatan, polis, tentera, rela, bomba, pertahanan awam dan seumpamanya. Pengorbanan yang dilakukan oleh semua petugas barisan hadapan

negara patut diberi penghargaan dan dibalas dengan memberikan bantuan mahupun sumbangan agar menjadi motivasi dan pembakar semangat dalam menjalankan tugas. Antara bentuk bantuan makanan yang diagihkan kepada *frontliner* semasa pandemik COVID-19 ialah penajaan pek makanan tengahari dan makanan kering kepada petugas hospital dan anggota keselamatan seperti polis, tentera, rela dan sebagainya. Bantuan yang disalurkan ini dapat memudahkan urusan mereka dalam menjalankan tanggungjawab bagi melindungi rakyat Malaysia daripada wabak COVID-19.

Berdasarkan dua skim bantuan zakat yang dijelaskan. Hasil analisis skim bantuan zakat berbentuk bantuan aset perubatan dan bukan perubatan serta bantuan makanan yang diagihkan mengikut institusi zakat di Malaysia dapat dilihat dengan merujuk Jadual 3 di bawah.

<b>Institusi zakat</b>	<b>Bantuan aset perubatan</b>	<b>Bantuan makanan</b>
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)	-	/
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	/	/
Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)	/	-
Majlis Agama Islam Johor (MAIJ)	/	-
Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)	/	/
Lembaga Zakat Selangor (LZS)	/	/
Zakat Pulau Pinang (ZPP)	-	-
Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)	/	/
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)	/	/
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	/	/
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	/	/
Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	/	-
Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)	-	-
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)	/	/
Jumlah keseluruhan	11	9

Jadual 3: Analisis skim bantuan zakat oleh institusi zakat

Jadual 3 menunjukkan bentuk bantuan zakat kepada hospital, klinik dan petugas barisan semasa pandemik COVID-19 yang disalurkan oleh institusi zakat mengikut negeri-negeri di Malaysia. Berdasarkan Jadual 3, dapat disimpulkan bahawa terdapat 11 institusi zakat telah memberi bantuan dalam bentuk aset perubatan dan bukan perubatan dan terdapat juga 9 institusi zakat yang menghulurkan sumbangan dalam bentuk makanan. Ini menunjukkan bahawa penglibatan daripada 14 institusi zakat di seluruh Malaysia dalam memperuntukkan dana zakat dalam sektor kesihatan dan keselamatan tidak menyeluruh. Berdasarkan analisis terhadap artikel

yang terpilih, terdapat dua institusi zakat iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) tidak memperuntukkan sejumlah dana zakat dalam memberi sumbangan kepada hospital dan petugas barisan hadapan semasa pandemik COVID-19.

Pandemik COVID-19 telah berlarutan semalam tiga tahun bermula pada awal tahun 2020 sehingga 2022 kini. Dalam tempoh genting ini, terdapat banyak pengkaji melakukan penyelidikan yang berkait dengan wabak COVID-19 dalam pelbagai bidang. Namun, kajian tentang agihan zakat semasa pandemik COVID-19 masih kurang dan sedikit jika dibanding dengan bidang lain. Oleh itu, Jadual 4 di bawah menunjukkan artikel-artikel yang berkaitan pengagihan bantuan zakat semasa pandemik yang dianalisis menggunakan metod SLR.

Bil	Penulis	MAIK	MAIWP	MUIP	MAIJ	MAIM	LZS	ZPP	LZNK	MAIPs	MAINS	MAIDAM	MUIS	TBS	MAIPk
1.	Zainatul, Mustapahayuddi, Wan Ainaa, dan Azlan (2021)				/										
2.	Faizal dan Hairunnizam (2020)	/	/	/	/	/	/		/	/		/	/		/
3.	Aisyah dan Hairunnizam, (2020)		/		/		/					/			/
4.	Azman dan Afaf (2020)		/								/				
5.	Anwar, Roziah dan Mat Sidek, (2021)										/				
6.	Faisol Ibrahim, (2020)		/				/								
7.	Hanif, Aiman, Wan Abd Rahman dan Aminudin, (2021)		/												
8.	Nurfitriyah, Azri, Faiz dan Ashrof (2021)						/								
9.	Hazwan, Nor Habibi dan Nor Hayati (2021)								/						
10.	Fathullah Asni (2021)									/					
11.	Nasrul, Ummi Sulaim, Nadiyah dan Sumaiyah (2021)		/												
12.	Amirul Afif (2020)		/				/		/						
13.	Yusuf, Mohamadtahir, Norhayati (2022)						/								
14.	Nurul Ashiqeen, Wan Noor Hazlina (2021)						/					/			
15.	Rosnia, Maliah, Hafiz-Majdi (2021)		/	/		/	/				/	/	/		/
16.	Hambari, Arif, Muntaha (2020)		/												
Jumlah Keseluruhan		1	9	2	3	2	8	0	3	2	3	4	2	0	3

Jadual 4: Analisis artikel-artikel yang terpilih dalam metode SLR

Jadual 4 menunjukkan kajian-kajian yang menghuraikan peruntukkan dana zakat yang disumbangkan oleh pusat zakat di Malaysia kepada hospital dan petugas barisan hadapan. Berdasarkan penelitian pengkaji, mendapati bahawa kajian Faizal dan Hairunnizam pada tahun 2020 yang bertajuk Peranan Institusi Zakat Ketika Pandemik COVID-19 antara kajian paling menonjol kerana dapat menyenaraikan 11 institusi zakat di Malaysia yang memperuntukan bantuan zakat kepada pihak hospital dan frontliners semasa tempoh PKP berbanding kajian-kajian lain yang hanya sekadar meliputi satu sehingga sembilan institusi zakat sahaja. Ini menunjukkan, kajian tersebut boleh dijadikan rujukan bagi para pengkaji yang ingin mendapatkan maklumat berkenaan agihan bantuan zakat ketika pandemik COVID-19. Selain itu, MAIWP dan LZS antara institusi zakat yang banyak mendapat perhatian para penyelidik dalam mengkaji peranan mereka dalam membantu sektor-sektor di Malaysia yang terjejas akibat wabak COVID-19 khususnya sumbangan bantuan zakat kepada pusat kesihatan dan petugas barisan hadapan.

## **PENUTUP**

Kesimpulannya, berdasarkan hasil perbincangan terhadap enam belas artikel yang dianalisis menggunakan metod sorotan literatur secara sistematik, terdapat 12 institusi zakat/MAIN di Malaysia yang memperuntukkan dana zakat dalam pelbagai bentuk seperti bantuan keperluan aset perubatan mahupun bukan perubatan dan bantuan makanan kepada petugas barisan hadapan yang terlibat. Kajian ini menunjukkan impak yang besar ke atas pengurusan zakat di Malaysia dalam menangani isu baru yang timbul. Justeru itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan dalam pembinaan kerangka agihan bantuan zakat dalam sektor kesihatan dan keselamatan khusus kepada institusi kesihatan dan anggota keselamatan negara dengan lebih tersusun dan sistematik semasa berlakunya wabak penyakit pada masa akan datang dan boleh dijadikan rujukan utama bagi institusi zakat di Malaysia.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini menggunakan dana Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS). Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan FRGS bertajuk "Pembinaan Kerangka Agihan Zakat Malaysia semasa Pandemik COVID-19" di bawah peruntukan Dana Geran FRGS/1/2021/SSI0/UKM/02/18.

## **RUJUKAN**

### **Bab Dalam Buku**

- Mohd Faizal Mohammad Alwi. 2020. *Peranan Institusi Zakat Ketika Pandemik COVID-19*. Dlm. Hairunnizam Wahid (pnyt.) & Mohd Ali Mohd Noor (pnyt.). Pengurusan Zakat di Malaysia Isu dan Cabaran COVID-19, 34–57. Bangi Unit Zakat UKM Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Aisyah Hasan Adali. 2020. *Peranan Pusat Zakat dalam Membantu Pendapatan Golongan B40 semasa Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19*. Dlm. Hairunnizam Wahid (pnyt.) & Mohd Ali Mohd Noor (pnyt.). Pengurusan Zakat di Malaysia Isu dan Cabaran COVID-19, 72–94. Bangi Unit Zakat UKM Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **Jurnal**

- Abdul Aziz, A. R., Mohd Sukor, N. & Hamizah, D. 2020. Wabak COVID-19: Pengurusan Aspek Kesihatan Mental semasa Norma Baharu. *International Journal of Social Science Research*, Vol. 2(4).
- Amirul Afif Muhamat. 2020. *Covid-19 Outbreaks Dissipates Misconception on Zakat*. *Empirical Economics Letters* 19(Special Issue). <https://www.researchgate.net/publication/345871239>
- Amran, S. N. A., Shaharuddin, S. A., Usman, A. H., Abdullah, M. Y. M. & Majid, M. A. 2020. *Sorotan Literatur Sistematik: Indikator Usahawan Berjaya Menurut Perspektif Islam*. *Jurnal Pengajian Islam* 13(2). <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/50>

- Asni, F. 2021. *Pengurusan Kutipan Dan Agihan Zakat Okeh MAIPS Ketika COVID-19 Di Negeri Perlis: Suatu Sorotan Kajian*. International Journal of Islamic Economics and Finance Research 4(2 December): 1–13. doi:10.53840/ijiefer.v4i2.55
- Haniff, H. S. N. A., Long, M. N. H. & Ahmad, N. H. 2021. *Inisiatif dan Inovasi Institusi Zakat Era Pandemik Covid-19 – Satu Penelitian Terhadap Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)*. International Journal of Islamic Business 6(2): 1–14. doi:10.32890/ijib2021.6.2.1
- Kuanova, L. A., Sagiyeva, R. & Shirazi, N. S. 2021. *Islamic social finance: a literature review and future research directions*. Journal of Islamic Accounting and Business Research 12(5): 707–728. doi:10.1108/JIABR-11-2020-0356
- Muttaqin, A. 2021. *Komitmen Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan (PBMALNS) Ketika Era Covid 19 Di Negeri Sembilan*. Journal of Fatwa Management and Research 25(1 SE-): 34–48. doi:10.33102/jfatwa.vol25no1.330
- Noor, M. H. M., Rahim, M. A. A., Fikry, W. A. R. W. I. & Hehsan, A. 2021. *Peranan Zakat di Malaysia Dalam Mendepani Pandemik COVID-19*. International Research journal of Shariah, Muamalat, and Islam 3(8): 21–30. doi:10.35631/IRJSMI.38002
- Nurfitriyah Salihah Shahrin, Bahri, A., Mohd Faiz Mohamed Yusof & Yaakob, M. A. Z. 2021. *Analisis Agihan Zakat di Lembaga Zakat Selangor Semasa Pandemik COVID-19*. International Journal of Academic Research Vol 11(No.1): 1–10.
- Rahman, A. A. & Sukari, A. 2020. *Institusi Zakat Dalam Mendepani Wabak Covid-19 di Malaysia: Isu dan Cadangan Garis Panduan*. Journal Of Ftawa Management and Research (January): 0–15.
- Roslan, M. N. H., Ahmad Rashid, U. S., Zulkiflee, N. & Bahri, S. 2021. *Peranan Filantropi Kewangan Islam Dalam Mendepani Covid-19: Satu Tinjauan Awal*. al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies 24(2): 17–27. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/365>
- Rosnia Masruki, Maliah Sulaiman & Hafiz-Majdi Ab. Majid. 2021. *Innovative Zakat Distribution Practices of Malaysian State Zakat Institutions and Their Socio-Economic Impact During the COVID-19 Pandemic*. International Journal of Innovation, Creativity and Change. [www.ijicc.net](http://www.ijicc.net) 15(9): 390–408. [www.ijicc.net](http://www.ijicc.net)
- Yusuf Haji Othman, Mohamadtahir Cheumar & Norhayati Abdullah. 2022. *The Role of Islamic Social Finance Instruments in Reviving the Economy during the Covid-19 Pandemic Crisis in Malaysia*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences 12(6): 807–819. doi:10.6007/IJARBS/v12-i6/14037

### **Seminar & Prosiding**

- Faisol Ibrahim. 2020. *Pandemik COVID-19 dan Implikasi Terhadap Institusi Zakat di Malaysia sebagai Institusi Kewangan Sosial Islam*. E-Prosiding Seminar Kewangan Islam Kebangsaan 2020.
- Hambari, Arif Ali Arif & Muntaha Artalim Zaim. 2020. *The Role of Zakat Institution in Facing Covid-19: A Case Study of the federal territory Islamic Council (MAIWP) of Malaysia*. International Conference of Zakat Proceedings (ICONZ) 2020, 119–126. <https://iconzbaznas.com/submission/index.php/proceedings/article/view/225/113>
- Mohamad Syibli. 2021. *Muzakarah Zakat Kebangsaan 2021: Isu, Cabaran dan penyelesaian institusi zakat dalam mendepani Covid-19 dan pasca PKP*. Video rakaman. Institut Fatwa dan Halal (IFFAH), USIM.
- Nur Zainatul Nadra Zainol Mustapahayuddin Abd Khalim Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari & Azlan Kuangit@Abdullah. 2021. *Peranan Majlis Agama Islam Negeri Johor Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Akibat Pandemik COVID-19*. INSLA E-Proceedings, Vol. Vol.4, 4–10. <https://insla.usim.edu.my/index.php/e proceeding/article/view/83/92>
- Nurul Ashiqeen Yusri & Wan Noor Hazlina Wan Jusoh. 2021. *Role of Zakat in Assisting Affected People during COVID-19 Pandemic: A Comparison between Terengganu and Selangor*. Dlm. Dr. Hamizah Muhammad (pnyt.). International Muamalat Conference (IMAC) 2021, 278–285. Terengganu: Universiti Teknologi Mara (UITM). <https://imac2021.uitm.edu.my>

**Laman Web**

Penggunaan ICU, katil hospital, PKRC di Kelantan meningkat.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/02/923966/penggunaan-icu-katil-hospital-pkrc-di-kelantan-meningkat> (diakses pada 21 March 2022).

Penggunaan katil ICU Covid-19 di Kelantan meningkat.  
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/12/783941/penggunaan-katil-icu-covid-19-di-kelantan-meningkat> (diakses pada 2 March 2022).

Perkembangan Semasa Varian Baharu Omicron (B.1.1.529) dan Langkah-langkah Kawalan serta Pencegahan di Malaysia. <https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2021/12/kenyataan-media-kkm-perkembangan-semasa-omicron-b11529-dan-langkah-kawalan-dan-pencegahan> (diakses pada 21 March 2022).

Petugas kesihatan diberi surat penghargaan.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/674145/petugas-kesihatan-diberi-surat-penghargaan> (diakses pada 22 March 2022).

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*